



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**POTONGAN BAGI KERUGIAN
WANG TUNAI DAN LAYANAN
KE ATAS PEMULIHANNYA**

KETETAPAN UMUM NO. 4/2012

TARIKH KELUARAN: 1 JUN 2012



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**POTONGAN BAGI KERUGIAN
WANG TUNAI DAN LAYANAN
KE ATAS PEMULIHANNYA**

**Ketetapan Umum No. 4/2012
Tarikh Keluaran: 1 Jun 2012**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

(Keluaran A Ketetapan Umum No. 5/2005 bertarikh 14 November 2005 telah digantikan dengan penerbitan Edisi Pertama ini)

Diterbitkan pada 1 Jun 2012

Edisi pertama pada 1 Jun 2012

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



**POTONGAN BAGI KERUGIAN
WANG TUNAI DAN LAYANAN
KE ATAS PEMULIHANNYA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2012
Tarikh Keluaran: 1 Jun 2012**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Interpretasi	1
4. Kerugian Wang Tunai	1
5. Asas Potongan	2
6. Potongan Ke Atas Kerugian Wang Disebabkan Kecurian, Penyalahgunaan Atau Penggelapan	2
7. Bukti Sokongan	5
8. Layanan Cukai Ke Atas Pemulihan	5

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini menerangkan:
 - (i) potongan bagi kerugian wang tunai yang disebabkan oleh kecurian, penggelapan atau penyalahgunaan dalam menjalankan perniagaan; dan
 - (ii) layanan cukai pendapatan terhadap pemulihan berhubung dengan kerugian wang tunai yang telah diberi potongan cukai di dalam tahun terdahulu.
2. Ketetapan ini adalah untuk menggantikan Ketetapan Umum No. 5/2005 bertarikh 14 November 2005. Antara pindaan yang telah dibuat kepada Ketetapan itu adalah:
 - (i) subperenggan 6.1 (sekarang subperenggan 7.1) telah disusun semula
 - (ii) perenggan 7 (sekarang perenggan 8) telah disusun semula
 - (iii) perenggan 8 telah digantikan dengan perenggan 9
 - di bawah subseksyen 22(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), pemulihan dicukai atas asas ianya boleh diterima atau disifatkan telah diterima dan bukan atas asas ianya diterima.
3. Peruntukan ACP 1967 yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 33 dan 22.
4. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - (i) "Pekerja" bermaksud pekerja berpangkat rendah dan tidak termasuk pekerja di peringkat pengurusan.
 - (ii) "Pemulihan" bermaksud wang yang diterima berhubung dengan kerugian wang tunai yang disebabkan oleh kecurian, penggelapan atau penyalahgunaan.
 - (iii) "Pengarah" termasuk mana-mana orang yang menjawat jawatan pengarah atau mana-mana orang yang mana arahan atau perintah beliau menjadi kelaziman bagi pengarah atau staf syarikat untuk bertindak.
 - (iv) "Wang tunai" bermaksud wang tunai dan cek berkaitan dengan urus niaga perdagangan.

5. Kerugian Wang Tunai

Kerugian wang tunai boleh berlaku disebabkan oleh kecurian, penggelapan atau penyalahgunaan dalam menjalankan perniagaan. Kerugian wang tunai ini boleh dibenarkan sebagai potongan di dalam mengira pendapatan larasan perniagaan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dengan syarat kerugian tersebut adalah berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan.

6. Asas Potongan

Tuntutan ke atas kerugian wang tunai hendaklah disokong dengan bukti yang mencukupi. Semua perkara berhubung dengan kerugian wang tunai perlu dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk menuntut kerugian tersebut. Di antara faktor yang perlu dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- (i) orang yang terlibat, iaitu dalam kes penyalahgunaan atau penggelapan adalah pekerja dan dalam kes kecurian atau rompakan ianya adalah pekerja atau pihak ketiga;
- (ii) tindakan yang perlu diambil terhadap orang yang terlibat yakni laporan polis, penamatan perkhidmatan dan tindakan untuk mendapatkan kembali kerugian;
- (iii) situasi dalam mana kerugian berlaku iaitu kejadian tersebut diterima sebagai satu kejadian yang berlaku dalam arus perjalanan biasa perniagaan pembayar cukai; dan
- (iv) amaun kerugian hendaklah munasabah dan tidak melebihi kadar jangkaan risiko perniagaan.

7. Potongan Ke Atas Kerugian Wang Tunai Yang Disebabkan Oleh Kecurian, Penyalahgunaan Atau Penggelapan

7.1 Kerugian wang tunai dibenarkan potongan

Kerugian wang tunai disebabkan oleh kecurian, penggelapan atau penyalahgunaan dalam menjalankan perniagaan boleh dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan larasan di bawah keadaan berikut:

7.1.1 Kecurian atau penyalahgunaan oleh pihak ketiga sekiranya-

- (i) tindakan mendepositkan wang tunai ke dalam bank adalah amalan yang perlu dan merupakan sebahagian daripada operasi perniagaan, apa-apa kerugian yang disebabkan oleh kecurian atau rompakan semasa dalam transit ke bank adalah dibenarkan.

Contoh 1

A Sdn Bhd mendepositkan kutipan tunainya setiap hari. Van syarikat yang membawa wang tunai berjumlah RM50,000 telah dirompak semasa dalam perjalanan ke bank.

Kerugian wang tunai sebanyak RM50,000 adalah dibenarkan sebagai potongan.

- (ii) seorang ejen yang ditugaskan untuk memungut wang tunai telah menggelapkan wang tunai tersebut, kerugian tersebut adalah dibenarkan sebagai potongan.

Contoh 2

B Sdn Bhd, sebuah syarikat membuat perabot, telah melantik seorang ejen untuk memungut bayaran ansuran daripada pelanggannya. Ejen tersebut telah memungut RM50,000 dan telah menyalahgunakan wang tunai tersebut dengan melabur dalam pasaran saham. Ejen tersebut mengalami kerugian dan menghilangkan diri. Syarikat tidak dapat mengesan ejen tersebut.

Kerugian berjumlah RM50,000 adalah dibenarkan sebagai potongan.

7.1.2 Kecurian atau penyalahgunaan oleh pekerja

Kerugian wang tunai yang disebabkan oleh kecurian, penggelapan atau penyalahgunaan oleh seorang pekerja adalah dibenarkan kerana ia terbit secara langsung daripada keperluan menyerahkan tugas tertentu perniagaan kepada pekerja.

Contoh 3

Seorang kerani bekerja di Bank A telah mencuri wang daripada beberapa akaun pelanggan. Apabila tindakan ini dikesan didapati kerani tersebut telah menggelapkan RM10,000. Bank tersebut telah menamatkan perkhidmatan kerani tersebut.

Kerugian sebanyak RM10,000 adalah dibenarkan sebagai potongan kerana kerani bank tersebut telah menyalahgunakan wang tersebut di dalam menjalankan tugas beliau sebagai seorang pekerja dan kerugian tersebut berlaku dalam arus perjalanan biasa perniagaan.

Contoh 4

Cik D bekerja sebagai kerani akaun di Beautiful Wear Apparels. Pemilik kedai mendapati 9 keping cek telah hilang dalam tahun 2011. Adalah didapati bahawa Cik D telah menunaikan kesemua 9 keping cek tersebut yang berjumlah RM8,000 dengan meniru tandatangan pemilik kedai itu. Perkhidmatan beliau telah ditamatkan oleh pemilik kedai.

Kerugian sebanyak RM8,000 itu adalah potongan yang boleh dibenarkan kerana kecurian tersebut terbit daripada keperluan membenarkan kerani akaun untuk mengendalikan cek.

7.2 Kerugian wang tidak dibenarkan potongan

Kerugian wang tunai disebabkan oleh kecurian, penggelapan atau penyalahgunaan tidak boleh dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan laraan di bawah keadaan berikut:

- 7.2.1 Pekerja yang terlibat di dalam kecurian atau penyalahgunaan adalah saudara kepada pemilik perniagaan, dan wujud bukti jelas yang menunjukkan bahawa pemilik tersebut telah mengetepikan kecurian tersebut dan terus menggajikan pesalah tersebut. Kerugian tersebut tidak dianggap sebagai kerugian perdagangan dan ia tidak dibenarkan potongan.

Contoh 5

Encik E, pemilik sebuah kedai runcit, telah menanggung kerugian sebanyak RM5,000 akibat penyalahgunaan wang tunai oleh abangnya yang juga adalah pekerja beliau. Encik E telah membuat tuntutan terhadap kerugian tersebut. Walau bagaimanapun, tiada tindakan diambil terhadap abangnya untuk memungut semula kerugian tersebut.

Kerugian sebanyak RM5,000 adalah tidak dibenarkan oleh kerana tidak ada tindakan yang diambil ke atas pekerja tersebut untuk mendapatkan kembali apa yang telah hilang.

- 7.2.2 Kecurian atau penyalahgunaan oleh pemilik tunggal, ahli kongsi, pengarah sebuah syarikat atau pentadbir harta pusaka si mati atau mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk mengawal operasi perniagaan.

Contoh 6

Seorang pengarah urusan sebuah syarikat Encik F telah menggelapkan kutipan wang sebanyak RM10,000. Seorang pengarah baru telah mengesan kehilangan tersebut dan jumlah itu telah dituntut sebagai kerugian disebabkan penyalahgunaan dalam akaun untung rugi.

Kerugian sebanyak RM10,000 adalah tidak dibenarkan sebagai potongan.

- 7.2.3 Kerugian wang tunai yang disebabkan oleh kecurian, samun atau rompakan yang tidak ada kaitan dengan perniagaan.

Contoh 7

Encik G, seorang pengurup wang telah membawa pulang wang tunai berjumlah RM15,000 dan menyimpannya di dalam bilik kebal di rumahnya. Pencuri memasuki rumah beliau dan mencuri wang tersebut.

Kerugian wang tunai sebanyak RM15,000 tidak dibenarkan kerana kerugian wang tunai tersebut tidak berlaku di dalam menjalankan perniagaan Encik G. Kerugian tersebut telah menimpa Encik G sebagai tuan punya wang tunai yang mana wang tunai tersebut tidak digunakan buat sementara waktu untuk perniagaannya.

8. Bukti Sokongan

Sebarang tuntutan bagi potongan untuk kerugian wang tunai yang disebabkan oleh kecurian, penggelapan atau penyalahgunaan mestilah disokong dengan lebih daripada satu dokumen berikut:

- (i) laporan polis;
- (ii) penyata bank;
- (iii) tanggungjawab staf yang terlibat;
- (iv) surat penamatan pekerjaan;
- (v) minit mesyuarat lembaga pengarah;
- (vi) bukti tindakan untuk mendapatkan kembali wang yang hilang; atau
- (vii) dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Contoh 8

Encik H, seorang pekerja di Syarikat Utama Sdn Bhd, adalah jurujual barangan elektrik pintu ke pintu. Puan Aminah telah membeli barangan elektrik berjumlah RM5,000 daripada beliau dan bayaran dibuat melalui cek. Encik H telah menggelapkan cek tersebut dan perkara ini telah dikesan oleh penyeliannya. Bukti bayaran oleh Puan Aminah telah diperoleh dan satu laporan polis dibuat.

Bukti bayaran dan laporan polis perlu disimpan sebagai bukti penggelapan oleh Encik H untuk menyokong tuntutan bagi potongan cukai.

9. Layanan Cukai Ke Atas Pemulihan

9.1 Kerugian wang tunai yang dibenarkan dalam mengira pendapatan larasan perniagaan hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan apabila pemulihan diperoleh melalui-

- (i) insurans;
- (ii) perjanjian bayaran oleh pekerja yang berkenaan;
- (iii) tindakan undang-undang yang diambil; atau
- (iv) tindakan-tindakan lain untuk mendapatkan kembali kehilangan tersebut.

9.2 Pemulihan wang tunai tersebut adalah pendapatan kasar daripada perniagaan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di mana ianya

boleh diterima atau disifatkan telah diterima. Tarikh wang tunai tersebut sebenarnya diterima adalah tidak relevan.

Dalam kes pemulihan di mana pembayaran yang dibuat adalah berdasarkan kepada persetujuan kedua-dua pihak, kesemua amaun yang diambil sebagai pendapatan kasar perniagaan adalah pada tarikh amaun tersebut dipersetujui atau ditentukan.

Secara ringkasnya, jumlah penuh apa-apa pemulihan hendaklah dianggap sebagai pendapatan kasar bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di mana ia pertama kali boleh diterima.

Contoh 9

Restoran J yang menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun sering kali menghadapi masalah kerugian wang tunai melalui penggelapan wang tunai oleh juruwang syarikat. Dalam tahun 2010, RM50,000 telah digelapkan oleh beberapa orang juruwangnya. Syarikat telah membuat tuntutan insurans terhadap kerugian ini pada 29.12.2010. Pada 30.1.2012, syarikat telah mendapat pemulihan sebanyak RM40,000 daripada syarikat insurans.

- Kerugian wang tunai RM50,000 telah dibenarkan sebagai potongan di dalam mengira pendapatan larasan perniagaan syarikat untuk tahun taksiran 2010.
- Amaun RM40,000 yang diterima daripada syarikat insurans dikenakan cukai sebagai pendapatan perniagaan untuk tahun taksiran 2012.

Contoh 10

Fakta yang sama seperti di contoh 9 kecuali selepas tuntutan insurans dibuat, beberapa rundingan telah diadakan dengan pihak syarikat insurans dan syarikat insurans tersebut bersetuju pada 15.12.2011 untuk membuat bayaran sebanyak RM40,000. Cek bagi pembayaran tersebut telah diterima pada 30.1.2012.

Amaun RM40,000 dianggap diterima pada 15.12.2011 dan dikenakan cukai sebagai pendapatan perniagaan untuk tahun taksiran 2011 kerana amaun RM 40,000 tersebut boleh diterima dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2011.